

22/07/2004

UMS lahir 6,889 graduan

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) menerusi 12 sekolah dan tiga pusat pembelajarannya, sehingga ini berjaya melahirkan 6,889 graduan dalam pelbagai bidang.

Naib Canselornya, Prof Tan Sri Dr Abu Hassan Othman, berkata daripada jumlah itu sembilan graduan doktor falsafah (PhD), diikuti sarjana (101) dan sarjana muda (6,779)

Beliau berkata, sejak pengambilan pertama pada 1995, universiti terletak di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu itu menerima 17,275 pelajar sarjana muda.

Bagi lepasan ijazah, katanya, setakat ini universiti yang pernah disifatkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad antara tercantik di rantau ini, menerima 73 pelajar PhD dan sarjana (680).

"Dari segi penyelidikan dan pembangunan, pernah memenangi satu pingat emas, enam perak dan satu gangsa pada Pameran Antarabangsa Geneva di Switzerland, baru-baru ini," katanya pada Persidangan Antarabangsa Komuniti Bajau/Sama di UMS, semalam.

(END)